



MALAYSIA

Penyata

PILEHANRAYA UMUM DEWAN RA'AYAT

dan

DEWAN UNDANGAN NEGERI

bagi


NEGERI² TANAH MELAYU, SABAH dan SARAWAK
TAHUN 1969

Di-sediakan oleh Surohanjaya Pilehanraya

Dicetak oleh Percetakan Naz Sdn. Bhd.
untuk
Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur.

STATES OF MALAYA

Constituency Map showing Parliamentary Constituencies



AHLI² SUROHANJAYA PILEHANRAYA
MEMBERS OF THE ELECTION COMMISSION

TAN SRI DATO' **AHMAD PERANG**, P.M.N., D.P.M.J., P.I.S.
(Pengerusi—*Chairman*)

TAN SRI DATO' (DR) R. **SATHIAH**, P.S.M., J.M.N., J.P.

DATO' ABANG HAJI MARZUKI, P.N.B.S.

ENCHE' ONG BENG CHYE, A.M.N.

Setiausaha—Secretary

ENCHE' ABDUL KADIR BIN TALIB, K.M.N.
(hingga—up to 2-6-69)

ENCHE' WAN **AHMAD BIN WAN OMAR**
(hingga—up to 31-8-71)

ENCHE' ABDUL RAHIM BIN ABDUL JALAL
(hingga—up to 26-1-72)

ENCHE' HASSAN BIN IBRAHIM

Penolong Setiausaha—Assistant Secretary

TUAN SYED ROSLEY BIN SYED ABU BAKAR
(hingga—up to 14-9-69)

ENCHE' WAN FATUL BIN JOHARI

KANDONGAN

	PERENGKAN
I Pendahuluan	1 - 5
II Surohanjaya Pilehanraya	6 - 7
III Bahagian² Pilehanraya	8 - 9
IV Pembubaran Parlimen dan Dewan² Undangan Negeri ...	10 - 12
V Pindaan² kepada Undang² mengenai Pilehanraya ...	13 - 14
VI Penyediaan untuk Pilehanraya	15 - 25
VII Tarikh² Pilehanraya	26 - 28
VIII Penamaan Chalun	29 - 32
IX Kempen Pilehanraya	33 - 36
X Pengundian	37 - 40
XI Pengiraan Undi	41 - 42
XII Keputusan² Pilehanraya sa-belum Penggantungan ...	43 - 45
XIII Penyambungan Pilehanraya² di-Malaysia Timor ...	46 - 60
XIV Penyambungan Pilehanraya di-Melaka Selatan ...	61 - 63
XV Perbelanjaan	64 - 66
XVI Rayuan² Pilehanraya	67
XVII Ulasan Am	68 - 72
XVIII Penutupan dan Pengakuan	73 - 77
XIX Lampiran²	
A—Rukun Adab Pilehanraya	
B— Pilehanraya² Parlimen, 1969—Keputusan Pilehanraya ² Bahagian²-pilehanraya Parlimen	
C— Pilehanraya² Negeri, 1969—Keputusan Pilehanraya ² Bahagian²-pilehanraya Negeri	
D— Pilehanraya² Umum Dewan Ra'ayat dan Dewan Negeri, 1969— Kerusi² dimenangi dan kehilangan wang² pertarohan oleh Parti Siasah dan chalun² Bebas	
E— Pilehanraya² Umum Dewan Ra'ayat dan Dewan Negeri, 1969—Undi yang didapati oleh parti siasah dan bebas , jumlah undi sah, bilangan undi di-tolak dan peratus undian	

- F—Pilihanraya² Umum Dewan Ra'ayat dan Dewan Negeri, 1969—Peratusan undi² sah yang di-dapati oleh parti² siasah dan chalun² bebas bagi tiap² Negeri
- G—Pilihanraya² Umum Dewan Ra'ayat dan Dewan Negeri, 1969—Peratus undi sah yang di-dapati oleh Parti² Siasah dan Chalun² Bebas bagi seluroh Malaysia
- H—Pilihanraya² Parlimen—Undi² yang di-dapati oleh Parti² Siasah dan Chalun² Bebas
- I—Pilihanraya² Negeri—Undi² yang di-dapati oleh Parti² Siasah dan Chalun² Bebas
- J—Senarai Parti² Siasah yang bertanding dalam pilihanraya², 1969

PENYATA PILEHANRAYA WMUM DEWAN RA'AYAT DAN DEWAN² WNDANGAN NEGERI, MALAYSIA, TAHUN 1969

I. PENDAHULUAN

Pilihanraya Umum Dewan Ra'ayat dan Dewan² Undangan Negeri telah diadakan pada 10hb Mei, 1969. Ini ialah kali yang ketiga diadakan pilihanraya umum Dewan Ra'ayat dan Dewan² Undangan Negeri di Negeri² Tanah Melayu semenjak merdeka dan kali yang kedua diadakan semenjak Malaysia ditubuhkan. Pilihanraya ini ialah pilihanraya sechara langsung pertama kalinya diadakan di Sabah dan di Sarawak untuk memilih ahli² ka Dewan Ra'ayat dan ka Council Negeri Sarawak. Negeri Sabah telah mengadakan pilihanraya sechara langsung ka Dewan Undangan Negerinya bagi pertama kali pada tahun 1967. Sebelum daripada itu wakil² Bahagian-pilihanraya Parlimen di-kedua² Negeri itu telah dipilih dengan sechara tidak langsung.

2. Dewan Ra'ayat mempunyai jumlah sebanyak 144 orang ahli dan ketiga² belas Dewan Undangan Negeri mempunyai jumlah sebanyak 362 ahli.

3. Pilihanraya ka Dewan Ra'ayat dan kasemua Dewan Undangan Negeri, kechuali ka Dewan Undangan Negeri Sabah yang pembubarannya belum sampai lagi sehingga tahun 1972, telah diadakan serentak, tetapi oleh sebab pengundian sachara berperengkat² di Sabah dan di Sarawak, maka pilihanraya di-kedua² Negeri itu tidak akan selesai sehingga tamat pengundian selama 2 minggu di-Sabah dan 4 minggu di-Sarawak.

4. Bagaimanapun, pengishtiharan dharurat dan berkuatkuasanya Ordinan Dharurat (Kuasa² Perlu) No. 1 Tahun 1969 pada 15hb Mei, 1969, telah menggantungkan semua pilihanraya dimana² kawasan di-Malaysia yang belum selesai pada masa itu.

5. Semasa penggantungan ini, pilihanraya umum disemua bahagian-pilihanraya yang bertanding di-Negeri² Tanah Melayu kechuali Bahagian-pilihanraya Parlimen Melaka Selatan telah pun selesai dan chalun² dipilih. Dibahagian²-pilihanraya yang bertanding di-Sabah dan di Sarawak tidak ada satu pun pilihanraya yang telah selesai. Pengundian bagi Melaka Selatan yang telah di-tetapkan pada satu tarikh yang lain, kerana kematian seorang daripada chalunnya telah terlibat juga dalam penggantungan ini.

II. SUROHANJAYA PILEHANRAYA

6. Perlembagaan menetapkan bahawa tanggungjawab menjalankan **pilihanraya²** **Dewan** Ra'ayat dan **Dewan** Undangan Negeri disemua Negeri di Malaysia adalah diletak kepada Surohanjaya Pilehanraya. Surohanjaya juga **diberi** kuasa menjalankan pilehanraya bagi **berbagai²** majlis **tempatan** sekiranya dikehendaki oleh **undang²**. Didalam **menjalankan** tanggungjawabnya, Surohanjaya Pilehanraya, sebagai satu **badan berkuasa bebas**, tidaklah tertakluk dalam apa segi pun, kepada sebarang arahan **tentang chara** pilehanraya dijalankan.

7. Penubuhan Surohanjaya Pilehanraya dan **prinsip²** 'am di-bawah mana ia dikehendaki menjalankan **tugas²**nya ada termaktub dalam Perkara 113-120 Perlembagaan. Surohanjaya Pilehanraya adalah dilantek oleh Duli Yang **Maha** Mulia Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis **Raja²**, dan mengandungi **seorang Pengerusi** dan tiga orang Ahli, satu daripadanya dari **Negeri²** Borneo, mengikut ketentuan yang dibuat dalam Penyata Jawatankuasa **Antara** Kerajaan. Perkara 114 (2) Perlembagaan Persekutuan adalah berbunyi seperti berikut :

“**Pada** melantik **ahli²** Surohanjaya Pilehanraya, Yang di-Pertuan Agong hendaklah memandang **kepada** mustahaknya diadakan satu Surohanjaya Pilehanraya yang mendapat keperchayaan awam.”

III. BAHAGIAN²-PILEHANRAYA

8. Dibawah Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan, **Dewan** Ra'ayat hendaklah mengandungi **144** ahli yang dipilih, **104** daripada bilangan itu hendaklah dari **Negeri²** Tanah Melayu, 16 dari Sabah dan **24** dari Sarawak. **Sempadan²** bahagian-pilehanraya bagi 104 kerusi Parlimen di **Negeri²** Tanah Melayu itu adalah sama juga bagaimana yang telah dipakai bagi pilehanraya umum tahun 1964. **Bahagian²-pilehanraya** bagi 16 kerusi di Sabah telah di-persempadankan pada 16hb April, 1966 (P.U. 182166) dan bagi 24 kerusi di Sarawak pada 20hb Jun, 1968 (P.U. 268168). **Sempadan²** bahagian-pilehanraya ini adalah di-buat mengikut **prinsip²** yang terkandung didalam Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan.

9. Sekshen 4 Jadual Kelapan Bahagian I Perlembagaan menguntukan bahawa **Dewan** Undangan Negeri hendaklah mengandungi bilangan ahli yang dipilih sebagaimana yang ditetapkan oleh **Badan** Perundangan Negeri itu dan bilangan ahli yang dipilih hendaklah sama banyaknya atau dengan diganda bilangan **Bahagian²-pilehanraya** Persekutuan

kerana Perlembagaan Persekutuan dan Negeri menghendakki iaitu Parlimen dan **Dewan**² Undangan Negeri, kechuali jika dibubarkan terlebih dahulu, adalah terbubar dengan sendirinya selepas lima tahun dari tarikh meshuarat pertamanya yang demikian itu. **Dewan** Ra'ayat, kechuali dibubarkan terlebih dahulu, adalah terbubar pada 18hb Mei, 1969, demikian juga semua **Dewan** Undangan Negeri adalah terbubar pada **tarikh**² yang berasingan antara 11hb dan 28hb Mei, 1969.

12. Untuk membolehkan supaya **pilehanraya**² ka-**Dewan** Ra'ayat dan kesemua **Dewan** Undangan Negeri diadakan serentak, Surohanjaya Pilehanraya telah menasihatkan supaya **Dewan** Ra'ayat dan semua **Dewan** Undangan Negeri dibubarkan pada satu hari yang sama. Parlimen dan semua **Dewan** Undangan Negeri kechuali **Dewan** Undangan Negeri Kelantan, telah dibubarkan pada 20hb Mach, 1969. **Dewan** Undangan Negeri Kelantan telah dibubarkan pada 31hb Mach, 1969.

V. PINDAAN² KAPADA UNDANG² MENGENAI PILEHANRAYA

13. Pada penghujung tahun 1968 adalah dilapurkan bahawa sebuah **parti** siasah telah mengarahkan semua **ahli**²nya dalam **Dewan** Ra'ayat dan **Dewan**² Undangan Negeri supaya mengosongkan **kerusi**² mereka pada **tarikh**² yang berasingan. Mengikut **undang**² pada masa itu, adalah mustahak diisikan sebarang kerusi yang dikosongkan itu dalam **tempoh** 60 hari **mula**² dari tarikh kekosongan itu wujud. Kerajaan memutuskan bahawa **pilehanraya**² kechil akan menimbulkan **banyak** kesusahan kepada **pemilih**² kerana Parlimen dan **Dewan**² Undangan Negeri bagaimanapun akan tetap dibubarkan pada 18hb Mei, 1969 dan Pilehanraya Umum diadakan seterusnya. Untuk menghadapi keadaan yang luarbiasa ini, Perkara 54 (2) Perlembagaan Persekutuan telah dipinda dengan mana sekiranya kekosongan biasa berlaku dalam masa 6 bulan sebelum tarikh Parlimen terbubar, kekosongan itu tidak perlu diisikan. Pindaan **ini** adalah juga dikenakan kapada **Dewan**² Undangan Negeri. Dengan akibat pindaan **ini**, sunggohpun beberapa kekosongan telah wujud dalam **Dewan** Ra'ayat dan **Dewan**² Undangan Negeri, **pilehanraya** kechil tidak **dijalankan**.

14. Sebelum daripada pilihanraya umum ini satu penyemakan **undang²** dan **peratoran²** pilihanraya telah dijalankan dan **pindaan²** seperti berikut telah dibuat :

(a) Akta **Kesalahan²** Pilihanraya, 1954.

Pindaan telah dibuat kepada Akta ini dalam tahun 1969, kesannya adalah seperti berikut :

- (i) had perbelanjaan yang dibenarkan kepada seseorang calon atau wakil calon telah dinaikkan dari \$10,000 kepada \$20,000 bagi sesuatu pilihanraya **ka-Dewan** Ra'ayat dan daripada \$7,500 kepada \$15,000 bagi sesuatu pilihanraya **ka-Dewan** Undangan Negeri.
- (ii) hukuman kerana kesalahan membelanja, mempengaruhi dan sogokan telah dinaikkan daripada **enam** bulan penjara serta denda lima ratus ringgit kepada dua belas bulan **penjara** serta denda tidak kurang daripada dua **ratus** lima puluh ringgit dan tidak lebih dari seribu ringgit.
- (iii) **peruntokan²** mengenai perbelanjaan persendirian **calun²** telah dibatalkan.

(b) **Peratoran²** Pilihanraya (Penjalanan Pilihanraya), 1959.

Peratoran² Pilihanraya (Penjalanan Pilihanraya) (Pindaan), 1968, yang dibuat oleh Surohanjaya Pilihanraya telah diluluskan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 20hb Disember, 1968. **Pindaan²** ini telah dibuat dengan **tujuan** untuk menyamakan dan melaraskan **peratoran²** yang sama yang sedia ada di **Negeri²** Borneo.

Dua pindaan yang terkemuka ialah :

- (i) mengenai wang deposit pilihanraya dari **bakal²** calon adalah diuntokkan sekarang, iaitu **bakal²** calon yang **mem-** bayar wang deposit pilihanraya kepada **jabatan** Kerajaan yang telah diberi kuasa oleh Pegawai **Pengurus** hendaklah menyerahkan **resit** wang deposit itu kepada Pegawai **Pe-** ngurus dalam masa diantara pukul 10.00 pagi dan 12.00 tengah hari pada hari penamaan calon. Kegagalan **mem-** buat demikian akan menjadikan penamaan calon itu tidak sah; dan
- (ii) kemasukan satu peruntokan yang baru kedalam **Peratoran²** itu yang menjadikan seseorang Pegawai **Pengurus** terpaksa mengarahkan pengiraan semula **undi²** atas permohonan seorang calon atau wakil calon sekiranya jumlah undi

bagi kesemua chalun **bersama²** dengan undi yang ditolak berbeza dengan jumlah kertas undi yang didapati dari **peti²** undi, sebanyak satu **peratus** atau lebih, atau, sekiranya perbezaan diantara jumlah undi yang diperolehi oleh chalun yang menang dengan chalun yang kedua adalah dua **peratus** atau kurang dari **jumlah undi** yang dibuang.

(c) *Peratoran² Pilehanraya (Mengundi Melalui Pos), 1959*

Peratoran² Pilehanraya (Mengundi Melalui Pos) (Pindaan), 1968, telah **diluluskan** pada **masa** yang sama. Dengan pindaan **ini**, satu **chara baru** telah ditambah yang membolehkan **jenis²** pengundi yang tertentu memohon undi pos kiranya mereka suka hendak mengundi melalui pos.

VI. PENYEDIAAN UNTOK PILEHANRAYA

Penyediaan risalah untok panduan pegawai² pilehanraya

15. Dua risalah "Pegawai Pengurus" dan "Tempat Mengundi" yang **disusun** oleh Surohanjaya Pilehanraya telah di-baharui untok memasokan **segala** pindaan yang telah di-buat kepada **Undang²** dan **Peratoran²** Pilehanraya. **Risalah²** ini bertujuan supaya dibaca bersama dengan dan **sebagai ulasan** kepada **undang²** dan **peratoran²** itu. **Risalah²** itu adalah **bagi** panduan pegawai pilehanraya sahaja dan tidak bermaksud **meng-**gantikan **undang²**.

Alatan untok kerja pilehanraya

16. **Tugas** untok mengambil stok **alat²**, **alatulis²** dan **borang²** yang sedia ada telah pun dimulakan dari penghujung tahun 1967 dan telah **diselesai-**kan pada awal tahun 1969. **Borang²** yang lama dan tidak boleh digunakan lagi telah **diganti** atau dipinda. **Alat²** yang besar **mengenai** pilihanraya **seperti petak²** undi, **bakul²** mengira dan **menchampur kertas²** undi, telah dibeli dari **pembuat²** tempatan. Memandang kepada dasar Kerajaan untok menjimatkan perbelanjaan negara, maka Surohanjaya Pilehanraya telah memutuskan bahawa bagi pilihanraya umum ini. hanya satu peti undi bagi **tiap²** satu **tempat** mengundi **digunakan** untok **kedua²** kertas undi Parlimen dan Negeri. Tidak ada **peti²** undi tambahan yang dibeli bagi Malaysia **Barat** sunggohpun jumlah pernileh dan juga **tempat** mengundi telah bertambah.

Menyedarkan pemilih²

17. Untok menchapai sesuatu pilehanraya yang **penoh** bermaana, maka perlulah **sa-bilangan** besar para pemilih keluar mengundi pada hari **pem-**buangan undi. Ka-arah tujuan ini satu kempen telah dijalankan oleh

pesebaran 'am Kerajaan untuk membangkitkan **kesedaran dikalangan pemilih²** mengenai hak asasi mengundi yang ada pada diri mereka, **peri** mustahak menggunakannya dan chara bagaimana mereka **membuang undi** pada hari **mengundi**, supaya **pengundian** boleh **dijalankan dengan lichen** dan terator. **Kempen ini** telah dijalankan **dengan chara tayangan** wayang gambar oleh unit² kerja luar dari **Jabatan** Penerangan dan **tayangan** talivishen, **membahagi²kan surat²** siberan, **risalah²** dan juga **mengu-** bah satu lagu khas yang disiarkan **berturut²** menerusi radio dan talivishen.

Pendaftaran pemilih²

18. Kelayakan seseorang pengundi adalah terkandung didalam Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan. Pada 'amnya, sesiapa sahaja **warga** negara yang umurnya telah meningkat 21 tahun pada tarikh kelayakan dan bermastautin dalam bahagian-pilehanraya pada tarikh **tersebut** bolehlah mendaftarkan dirinya sebagai seorang **pemilih** dibahagian-pilehanraya tersebut. **Tarikh** kelayakan biasanya ditetapkan pada 31hb Ogos, **tiap²** tahun.

19. Satu daripada **tugas²** Surohanjaya Pilehanraya ialah menyemak **daftar²** pemilih **tiap²** tahun. **Daftar²** pemilih dibuka untuk **disemak** dari 1hb September hingga 12hb Oktober. Pada akhir **tempoh penyemakan ini**, rang² daftar pemilih yang **dibaharuï** adalah disediakan dan dalam bulan Disember **tiap²** tahun rang² itu dibuka untuk **pemereksaan**. Ini ialah untuk membolehkan orang ramai membuat **apa²** tuntutan atau bantahan dalam inasa 28 hari **mulaï** dari tarikh rang² daftar itu diishtiharkan. Selepas **tuntutan²** dari **bantahan²** **diselesaikan daftar²** itu pun disahkan. Pengesahan ini dibuat tidak lewat daripada 31hb Mach **tiap²** tahun.

20. Oleh kerana **kerja²** penyemakan tahun 1968 ialah yang terakhir sekali diadakan sebelum pilehanraya umum, satu **ikhtiar** istimewa telah dibuat untuk mengerah orang rarnai supaya mendaftarkan diri mereka sekiranya mereka **belum** lagi **berbuat** demikian pada **tahun²** yang lalu. Satu kempen sebaran sechara **besar²an** telah dijalankan untuk tujuan **ini**. **Apabila daftar²** pemilih **telah** disahkan pada 27hb Mach, 1969, **jumlah** pemilih bagi seluroh Malaysia adalah sebanyak 3,843,782 **saperti** berikut:

Negeri ² Tanah Melayu	3,302,184
Sabah	208,861
Sarawak	332,737

21. Jumlah pemilih di-Negeri² Tanah Melayu telah bertambah sebanyak 539,107 dari pemilih² tahun 1964. Pendaftaran di-Sabah telah mula dijalankan pada tahun 1966, dan penyemakan tahun 1968 menunjukkan jumlah pemilih bertambah sebanyak 16,413. Pendaftaran ini adalah kali pertama diadakan bagi Negeri Sarawak.

Kertas² Undi

22. Pengeluaran kertas² undi telah diselenggarakan oleh Penchitak Kerajaan. Tugas² menyiap dan menchitak kertas² undi ini dikehendaki dibuat dengan chermat dan teliti dan telah di-selenggarakan dibawah kawalan keselamatan yang ketat. Semua kertas² undi Parlimen kechuali untok Sabah dan Sarawak telah dichitak oleh Penchitak Kerajaan di Kuala Lumpur, tetapi kertas² undi Negeri bagi Negeri² Kedah dan Perlis telah dichitak di Alor Setar, bagi Negeri Perak di Ipoh, bagi Negeri Trengganu di Kuala Trengganu dan bagi Negeri² Johor, Melaka dan Negeri Sembilan di Johor Bahru. Kertas² undi negeri bagi Negeri² yang lain telah dichitak di Kuala Lumpur. Kertas² undi bagi Negeri Sabah dan Sarawak telah dichitak oleh Penchitak² Kerajaan masing².

23. Memandang kepada pilihanraya serentak bagi Dewan Ra'ayat dan Dewan Undangan Negeri dan penggunaan peti undi yang sama untok kedua² pilihanraya itu, Surohanjaya telah memutuskan bahawa kertas² undi Parlimen dan Negeri hendaklah berlainan warna. Warna putih telah dipilih untok kertas undi Parlimen dan warna kuning emas untok kertas undi Negeri. Langkah² keselamatan yang ketat telah diambil semasa menghantar dan membahagikan kertas² undi itu. Pada keseluruhannya penchitakan telah dimulakan dalam masa dua hari selepas hari penamaan chalon dan penchitakan sebahagian pertama kertas² undi untok pengundian melalui pos telah siap dan dibahagikan diantara 15hb dan 23hb April 1969. Penghantaran yang bakinya untok digunakan pada hari mengundi telah diselesaikan awal² sebelum 10hb Mei.

Muafakat dengan Parti² Siasah

24. Untok memastikan supaya pilihanraya dijalankan dengan sechara terator, pehak Surohanjaya telah mengambil langkah mengadakan meshuarat dengan semua parti² siasah untok membentok satu rukun tata-tertib pilihanraya. Pegawai² polis telah hadir bersama dalam meshuarat tersebut. Rukun tata-tertib yang dibentok dimeshuarat tersebut ialah sebagaimana di Lampiran A. Jawatankuasa perhubungan telah ditubuhkan diperingkat Negeri dan Bahagian-pilihanraya. Meshuarat diperingkat Negeri telah dihadiri oleh wakil² dari parti siasah, pegawai² pilihanraya

dan **polis**. **Dimeshuarat²** tersebut rukun tata-tertib pilehanraya yang telah **disetujui** diperingkat Persekutuan dan **chara** melaksanakannya semasa pilehanraya dijalankan telah dibinhangkan dengan halusny. Salain dari itu beberapa perkara yang mustahak yang terkandung dalam Akta **Kesalahan²** Pilehanraya dan **Peratoran²** **Penjalanan** Pilehanraya telah juga ditegaskan bagi faedah **chalun²** yang bertanding dalam pilehanraya. **Jawatankuasa²** diperingkat Bahagian-pilehanraya telah membinhang **perkara²** 'am yang sama dibinhangkan dimeshuarat peringkat Negeri dan selanjutnya **bersama²** dengan **chalun²** dan **wakil²** chalun telah membinhangkan dengan teliti mengenai **berbagai²** ketentuan untuk hari mengundi dan khasnya menempatkan **pondok²** penerangan mereka yang diluar kawasan **tempat** mengundi. Ada kalanya perlu dichabut undi untuk menentukan **tapak²** pondok yang dibahagikan kapada chalun masing².

Kakitangan² Pengundian

25. Lebih kurang 35,000 **kakitangan² pengundian** sementara telah diambil bekerja dan telah diberi latehan untuk menjalankan pilehanraya. Kebanyakan daripada mereka ialah **kakitangan²** Kerajaan dan **separoh-kerajaan** sunggohpun ada **setengah²** daripadanya telah diambil dari kalangan swasta. Berikut ini ialah senarai **berbagai²** gulongan kakitangan pengundian yang telah diambil bekerja semasa pilehanraya dijalankan :

Pegawai² Pengurus	144
Penolong Pegawai Pengurus ...	516
Ketua Tempat Mengundi	5,468
Pembantu Pilehanraya	162
Kerani Pengundian	21,075
Kerani Mengira Undi	7,820

VII. TARIKH² PILEHANRAYA

26. Surohanjaya Pilehanraya telah mengkaji **tentang tarikh²** bagi hari penamaan dan pembuangan undi dan telah menetapkan 5hb April, 1969 sebagai hari penamaan chalun bagi semua Bahagian-pilehanraya Parlimen dan Negeri, kechuali Bahagian-pilehanraya Negeri di Kelantan dimana hari penamaan chalun ialah 12hb April, 1969. Hari pembuangan undi bagi kesemua Bahagian-pilehanraya Parlimen dan **Negeri di Negeri² Tanah** Melayu telah ditetapkan pada 10hb Mei, 1969, sementara d.i Sabah pembuangan undi bermula pada 10hb Mei, 1969 dan berakhir pada 25hb Mei, 1969. Di Sarawak pembuangan undi ditetapkan bermula pada 10hb Mei, 1969 saperti juga **ditempat²** lain, dan berakhir pada 7hb Jun, 1969.

Surat² perintah **pilehanraya** yang perlu telah dikeluarkan kepada **Pegawai²** **Pengurus** dan **pemberitahu²** mengenai **tarikh²** penamaan chalun dan pembuangan undi telah diishtiharkan oleh Surohanjaya.

27. Sementara pilehanraya di **Negeri² Tanah Melayu** boleh diselesaikan dalam masa satu hari, di-Negeri Sabah dan Sarawak tidak **mungkin** dapat dibuat demikian, disebabkan kesukaran terhadap perhubungan dan kekurangan kakitangan dan dimana pemilih luar bandar berselerak di-kawasan yang luas, pembuangan undi terpaksa diadakan dengan chara **berperingkat²**. Dengan sebab itu terpaksa menggunakan **beberapa** pasokan pegawai pilehanraya yang bergerak dari satu **tempat** mengundi ketempat mengundi yang lain **sakan²** safari dalam masa diantara satu hingga **empat** minggu. **Pasukan²** ini mulai bergerak dari **tempat** mengundi yang jauh sekali dan balik menuju ka arah Ibu Pejabat bahagian pilehanraya **masing²**. Serbanika jenis kenderaan terpaksa digunakan oleh **pasokan²** tersebut.

28. Di **Negeri² Borneo**, walaupun pengundian telah ditetapkan bermula pada **10hb** Mei dan dijangka berakhir pada **25hb** Mei di-Sabah dan **27hb** Jun di-Sarawak, **bahagian²-pilehanraya** telah memulakan pengundian pada **tarikh²** yang berperingkat. Pengundian bagi semua bahagian-pilehanraya didalam sebuah Negeri telah dijadualkan **tamat** pada hari yang sama, iaitu pada **25hb** Mei bagi Sabah dan **27hb** Jun bagi Sarawak, dan semua keputusan pengundian itu di-ishtiharkan pada **tarikh²** tersebut. Chara ini adalah berlainan dari chara pilehanraya Negeri yang di-jalankan di-Sabah pada tahun 1967 manakala pengundian telah berakhir pada **tarikh²** yang berlainan bagi **satu²** bahagian-pilehanraya dan keputusannya disiarkan mengikut bila sahaja pengundian itu **tamat** di-**satu²** bahagian-pilehanraya.

VIII. PENAMAAN CHALUN

29. **Waktu²** penamaan chalun telah ditetapkan oleh **undang²** dari pukul **10.00** pagi hingga pukul 12.00 tengah hari dan bantahan² kepada **penamaan²** chalun bolehlah diserahkan selepas pukul 12.00 tengah hari sahingga pukul 1.30 petang. **Sajumlah** 354 kertas penamaan chalun telah **dihantar** kepada **Pegawai² Pengurus** bagi Pilehanraya Parlimen dan **902** bagi pilehanraya Negeri. Diantara itu 13 kertas penamaan chalun bagi pilehanraya Parlimen dan **18** bagi pilehanraya Negeri telah ditolak. **Rayuan²** Pilehanraya **atas** beberapa kertas penamaan chalun ada di-huraikan diperenggan **67 Laporan** ini.

30. 104 kerusi **Dewan Ra'ayat di Negeri² Tanah Melayu**, 16 di-Sabah dan 24 di-Sarawak telah dipertandingi oleh 322 calon yang mana 35 daripadanya adalah calon bebas dan 287 dari dua belas parti siasah seperti berikut :

Perikatan (PER)	118
Parti Islam Sa-Malaya (PAS)	62
Partai Socialis Rakyat Malaya (PR)	6
Parti Kemajuan Rakyat (PKR)	6
Parti Tindakan Demokratik (PTD)	24
Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GRM)	14
United Malaysian Chinese Organisation (UMCO)	3
Sarawak National Party (SNAP)	23
Sarawak United Peoples' Party (SUPP)	19
Party Pesaka Sarawak (Pesaka)	15
Sabah Chinese Association (SCA)	3
United Sabah National Organisation (USNO)	13

31. 282 kerusi **Dewan Undangan Negeri di Negeri² Tanah Melayu** dan 48 di Council Negeri Sarawak telah dipertandingi oleh 898 calon diantaranya 105 calon bebas dan 793 dari sepuluh parti siasah seperti yang berikut :

Perikatan (PER)	315
Parti Islam Sa-Malaya (PAS)	185
Partai Socialis Rakyat Malaya (PR)	38
Parti Kemajuan Rakyat (PKR)	16
Parti Tindakan Demokratik (PTD)...	57
Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GRM)	38
United Malaysian Chinese Organisation (UMCO)	12
Sarawak National Party (SNAP)	46
Sarawak United Peoples' Party (SUPP)	40
Party Pesaka Sarawak (Pesaka)	35

32. Dua puluh Bahagian-pilihanraya Parlimen yang tidak bertanding telah dimenangi oleh 9 orang calon Perikatan dan 11 orang calon United Sabah National Organisation (USNO). Sebelas Bahagian-pilihanraya Negeri telah tidak bertanding dan semuanya telah dimenangi oleh calon² dari Parti Perikatan.

IX KEMPEN² PILEHANRAYA

33. Pada penghujung tahun 1968 telah dilaporkan iaitu sebuah **parti** siasah hendak memulaukan pilihanraya umum **ini**. Bagaimana **diketahui** **parti** itu telah tidak menamakan calon-nya disebarang **bahagian-pilihan**-raya dan sabalek-nya pula telah berkempen merayu orang ramai supaya jangan menggunakan **hak²** mengundi mereka.

34. Adapun memberi ulasan mengenai **aktiviti²** dan **dasar²** parti siasah itu terkeluar dari lengkungan kuasa Surohanjaya Pilihanraya, namun demikian, pihak Surohanjaya merasa tidak menjadi salah memberi gambaran sechara 'am **tentang chara²** kempen yang telah dijalankan sebelum hari mengundi. Suasana **aman** dan **tenteram** yang ternyata semasa pilihanraya umum tahun 1964 dan juga dipilihanraya* yang lain yang dijalankan di-Negeri ini pada masa yang lalu telah tidak ternampak **semasa kempen** tahun 1969. Perbinchangan politik yang utama yang telah diserukan oleh sebilangan **Parti Siasah** yang tertentu adalah menyentoh **perkara²** perkauman yang **sensitif** yang menyinggong perasaan rakyat. Peristiwa sejarah 13 Mei telah mengakibatkan pengishtiharan **Ordinan Dharurat (Kuasa² Perlu)** Tahun 1969, pada **15hb** Mei, 1969 oleh Yang di-Pertuan Agong yang telah menggantungkan Parlimen dan **Dewan²** Undangan Negeri dan menubuhkan **Majlis Gerakan Negara**. Beristiwa ini telah diberi pesebaran yang luas dan satu Kertas Puteh mengenai perkara itu telah dibentangkan oleh Kerajaan.

35. Semenjak itu satu pindaan telah dibuat kepada Akta Asutan, 1948 yang antara lain² perkara adalah menjadi satu kesalahan bagi sesiapa pun menyoal **perkara²** mengenai **hak²**, taraf, kedudukan, keistimewaan dan kedaulatan atau hak kedaulatan yang ditetapkan atau yang diperlindungi oleh peruntukan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan atau Perkara 152, 153 atau Perkara 181 Perlembagaan. **Peruntokan² ini** **menyebut** **perkara²** kerayatan, bahasa kebangsaan, **hak²** orang Melayu dan kedaulatan **Raja²**.

36. Selain daripada itu satu pindaan telah juga diperbuat kepada Akta **Kesalahan²** Pilihanraya, 1954 dengan mana, sesiapa yang telah dihukum kerana kesalahan dibawah seksyen kechil (1) dari Seksyen 4 Akta Asutan, 1948, ia tidak, sehingga **tamat** 5 tahun dari tarikh hukuman itu, boleh dipilih disebarang pilihanraya, dan sekiranya pada tarikh hukuman itu ia telah dipilih disebarang pilihanraya, maka kerusinya itu adalah dikosongkan mulai daripada tarikh itu.

X. PENGUNDIAN

Pengundian Melalui Pos

37. **Jenis** yang ditaariffkan sebagai **pengundi**² yang tidak **payah hadir** ada disenaraikan didalam **Peratoran**² Pilehanraya (Pengundian Melalui **Pos**). Sebelum pilehanraya umum dijalankan, **pemilih**² yang berdaftar yang telah ditahan dibawah Akta Keselamatan Dalam Negeri telah dimasukkan 'kedalam senarai itu sebagai orang² yang berhak mengundi melalui pos.

38. Daripada jumlah **kertas**² undi pos yang dikeluarkan di-Negeri² **Tanah Melayu**, 78.6 **peratus** bagi pilehanraya Parlimen dan 81.5 **peratus** bagi pilehanraya Negeri, telah diterima balek sabelom pengundian ditutup. Di-Negeri Sabah **peratus** yang balek ialah sebanyak 70 bagi pilehanraya Parlimen dan di-Negeri Sarawak 80 **peratus** bagi pilehanraya Parlimen dan 70 bagi pilihanraya Negeri.

Hari Mengundi

39. Pengundian diseluruh negara pada 'amnya telah bermula dari pukul 8.00 atau 9.00 pagi hingga kepukeul 7.00 atau 8.00 **malam**. **Disetengah**² kawasan yang **terpenchil**, beberapa **tempat** mengundi telah ditutup lebeh awal lagi. Bagi **kawasan**² luar bandar pengundian telah berjalan sechara sederhana sahaja pada sepanjang hari kechuali **dikawasan**² yang mana kebanyakan **penduduk**²nya **bekerja diladang**², pengundian adalah **lambat** sedikit disebelah pagi tetapi ranchak disebelah petang. Keadaan seumpama **ini** juga telah ternampak **dikawasan**² bandar.

40. Di-Malaysia **Barat** 74.3 **peratus** daripada para **pemilih** telah mengundi **dikedua**² pilehanraya umum Parlimen dan Negeri. Pengundian di Sabah dan Sarawak yang telah digantongkan pada tahun 1969 telah dijalankan semula dalam tahun 1970. Pengundian di-satu sahaja bahagian pilehanraya (Melaka Selatan) diNegeri **Tanah Melayu** yang juga digantong telah dijalankan semula dalam tahun 1971.

•

XI. PENGIRAAN UNDI

41. Pengiraan undi telah dijalankan **dimerata**² **tempat** yang sesuai dibawah penyeliaan **Pegawai**² Pengurus. **Keputusan**², bila sahaja di-ketahui telah dihantar kepada **Penyelia**² Pilehanraya di Ibu Pejabat Negerinya, dari mana, kemudiannya telah disampaikan pula **keputusan**² tersebut kapada Ibu Pejabat Pesuruhjaya Pilehanraya, dimana satu Bilek

Gerakan telah disiapkan. Selepas itu keputusan² itu pun disiarkan menerusi radio dan talivishen. Papan² kenyataan awam bagi merekodkan kemenangan² telah juga didirikan di tiap² Ibu Negeri.

42. Keputusan yang pertama diterima oleh Surohanjaya Pilehanraya ialah pada pukul 11.25 malam pada 10hb Mei, 1969 daripada Bahagian-pilehanraya Negeri, Cameron Highlands dan keputusan yang terakhir sampai ke Surohanjaya Pilehanraya ialah pada pukul 1.00 tengahari pada 11hb Mei, 1969 daripada Bahagian-pilehanraya Parlimen, Kuala Trengganu Utara. Penggunaan satu peti undi untuk kedua² kertas undi Parlimen dan Negeri telah memerlukan masa yang lebeh untuk menjalankan pengiraan dan banyak-nya kertas² undi yang ragu yang hendak dipereksa dengan teliti oleh Pegawai Pengurus juga telah mengambil masa yang panjang. Sebagaimana yang boleh dilihat di-Lampiran² B dan C sabilangan besar bahagian-pilehanraya yang telah mendapat keputusan² yang sangat rapat, oleh itu beberapa pengiraan semula telah terpaksa dibuat. Telah ada sebutan bahawa penyiaran² keputusan itu adalah terlalu lewat, bagaimanapun, keputusan yang akhir yang telah dihebahkan adalah lebeh awal lagi daripada keputusan yang akhir diterima pada masa pilehanraya umum 1964 manakala keputusan itu telah disiarkan pada pukul 5.00 petang keesokan harinya.

XII. KEPUTUSAN² PILEHANRAYA SEBELUM PENGANTONGAN

43. Perkara yang menarek perhatian akibat daripada pilehanraya ini ialah bertambahnya bilangan pembangkang, jika dibandingkan dengan pilehanraya umum 1964. Walaupun parti² pembangkang telah mendapat beberapa kerusi, parti Perikatan masih lagi berkuasa di-Parlimen. Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GRM) telah mengawali Dewan Undangan Negeri, Pulau Pinang dan Parti Islam Sa-Malaya (PAS) telah mengawali semula Dewan Undangan Negeri, Kelantan. Perikatan telah dikembalikan semula di-Negeri² yang lain. Maklumat² perangkaan yang penoh berkenaan dengan pilehanraya Parlimen adalah terkandung di Lampiran B kepada Laporan ini. Jumlah kerusi yang telah dimenangi oleh berbagai parti siasah dipilehanraya Parlimen sebelum pilehanraya itu digantong adalah:

Perikatan	66
United Sabah National Organisation	10
Parti Tindakan Demokratik	13
Parti Islam Sa-Malaya	12
Parti Gerakan Rakyat Malaysia	8
Parti Kemajuan Rakyat	4

44. Keputusan² pilihanraya Dewan Undangan Negeri adalah ditunjukkan di Lampiran C.

45. Dipilihanraya Parlimen 13 calon telah hilang wang deposit mereka oleh kerana mereka telah gagal mendapat lebih daripada satu perlapan dari jumlah undi sah yang dibuang, sementara dipilihanraya Negeri, jumlah bilangan calon yang telah kehilangan wang deposit mereka ialah 69 orang.

XIII. PENYAMBONGAN PILEHANRAYA² DI-MALAYSIA TIMOR

46. Berikutan dengan meletusnya kekacauan pada 13hb Mei, 1969 dan dengan perisytiharan keadaan dharurat diseluruh Malaysia pada 15hb Mei, semua pilihanraya yang belum lagi diselesai telah digantung. Pengantongan ini melibatkan pilihanraya² di-Sabah, Sarawak dan pilihanraya Parlimen di Bahagian-pilihanraya Melaka Selatan. Tatkala pilihanraya telah digantungkan, pengundian telah pun berjalan di 7 daripada 24 bahagian-pilihanraya Parlimen, 9 daripada 48 bahagian-pilihanraya Negeri di Sarawak dan 6 daripada 16 bahagian-pilihanraya Parlimen di-Sabah. 10 bahagian-pilihanraya Parlimen yang lain di-Sabah telah dimenangi oleh United Sabah National Organisation (USNO) tanpa bertanding.

47. Selain daripada menggantungkan pilihanraya² dibawah Ordinan Dharurat (Kuasa² Perlu) No. 1 Tahun 1969, kelulusan Peratoran² Perlu (Melarang Kegiatan² Berhubung dengan Pilihanraya) 1969, [P.U. (A) 176A bertarih 11hb Jun, 1969] yang dibuat oleh Majlis Gerakan Negara telah menchegeh semua kegiatan berhubung dengan pilihanraya. Ini termasuk semua chara merayu undi bagi pehak mana² calon dan semua chara memancing undi.

48. Sa-masa dalam bulan Disember 1969, ada dibayangkan kepada Surohanjaya iaitu Kerajaan berchadang hendak meneruskan semula pilihanraya² yang belum lagi diselesaikan di-Sabah dan Sarawak. Sunggohpun tidak ada diberi tatikh mengenai pembatalan pengantongan itu, malahan pehak Surohanjaya terpaksa juga membuat persiapan yang perlu untuk menjalankan semula pilihanraya.

49. Dibawah peratoran² yang ada mengenai penjalanan pilihanraya, jika sekiranya pada bila² masa selepas Surohanjaya Pilihanraya mengeluarkan surat perintah untuk menjalankan pilihanraya umum ataupun pilihanraya kecil, ada diberi keterangan kepada Surohanjaya yang

memuaskan iaitu oleh sesuatu sebab **dalam mana²** bahagian-pilehanraya, pilehanraya tidak boleh dijalankan, ataupun pilehanraya sudah **dimulakan** mengikut surat perintah yang telah dikeluarkan itu tetapi tidak boleh diteruskan, maka Surohanjaya boleh pada **bila²** masa pun mengeluarkan satu surat perintah yang baru untuk menjalankan atau menyemulakan pilehanraya dibahagian pilehanraya tersebut. Sekiranya peraturan ini hendak diikuti, maka bermaknalah mengadakan semula pilehanraya **dibahagian²-pilehanraya** yang belum diselesaikan lagi sebelum diadakan penggantungan itu, **surat²** perintah yang baru hendaklah dikeluarkan dan semua proses² pilehanraya hendaklah dimulakan semula.

50. Surohanjaya telah menimbangkan perkara berkaitan dengan soal mengadakan semula pilehanraya dan telah **memutuskan** bahawa untuk mengelakkan kesukaran dan perbelanjaan, **chalun²** yang penamaannya telah disahkan pada 5hb April, 1969 adalah kekal menjadi chalun bagi pilehanraya yang disamulakan dan tidaklah **payah** dijalankan penamaan chalun yang baru. Bagaimanapun, Surohanjaya telah mengechualikan **bahagian²-pilehanraya** dimana ada chalun yang telah disahkan telah **mati**. Dalam perkara yang demikian, Surohanjaya telah memutuskan bahawa **chalun²** yang masih ada itu dikekalkan penamaannya, tetapi **penamaan²** chalun yang baru boleh juga diterima. Satu peruntukan **undang²** mengenai **hal** ini mistilah dibuat.

51. Satu lagi soal untuk ditimbangkan oleh Surohanjaya ialah sama ada pengundian hendak disambong dari mana ia diberhentikan semasa **penggantungan** ataupun dimulakan **semula**. **Kertas²** undi yang dibuang mulai dari 10hb Mei ke 15hb Mei, 1969 telah disimpan didalam **peti²** yang bermeteri **hampir²** sudah setahun lamanya, ada kemungkinan **kertas²** undi itu boleh jadi rosak akibat daripada keadaan hawa, serangga atau lain* sebab. Oleh kerana tidak ada jalan resmi bagi Surohanjaya boleh **meme- reksa kertas²** itu dan untuk menghapuskan sebarang shak wasangka yang **kertas²** undi itu tidak diganggu, maka pehak Surohanjaya telah **memutus- kan** supaya **kertas²** undi itu tidak dikira lagi bagi maksud penyemulaan, dan pengundian hendaklah disemulakan disemua **bahagian** pilehanraya. Pehak Surohanjaya juga telah **memutuskan** untuk menचितak **kertas²** undi yang baru yang berlainan warnanya daripada yang telah digunakan pada pilehanraya bulan Mei, 1969.

52. Dari pengalaman yang telah diperolehi di Malaysia **Barat**, pehak Surohanjaya juga memutuskan bahawa untuk mencepatkan lagi **pengi- raan** dan siaran **keputusan²**, dua **peti** undi digunakan, iaitu satu untuk kertas undi Parlimen dan satu lagi untuk **Negeri**. Ini bermakna jumlah

peti undi yang digunakan bagi pilihanraya yang **disamulakan** itu akan menjadi dua kali ganda bilangannya daripada yang telah **dirancang** untuk digunakan dipilihanraya bulan Mei. Yang **demikian** itu **menambah**kan perbelanjaan bukan sahaja kerana bilangan **peti²** undi yang **lebih** itu, **bahkan** juga kerana tambahan potar untuk **membawa peti²** undi itu. Tambahan lagi kelebihan bilangan **peti²** undi yang **hendak** dibawa oleh **pasokan²** pengundian, akan merumitkan lagi **tugas²** Ketua **Tempat** Mengundi kerana ia terpaksa mengambil **langkah²** **keselamatan** untuk menjaga **peti²** undi yang telah bermeteri itu sepanjang **perjalannya** dari satu **tempat** mengundi kesatu **tempat** mengundi yang lain, yang **mana** setengah daripada **tempat²** itu akan memakan masa selama 4 minggu **dan** meliputi sebanyak 48 **tempat** mengundi.

53. Dari itu pihak Surohanjaya telah memutuskan bahawa untuk mengurangkan bilangan **peti²** undi itu, maka **peratoran²** baru telah diadakan supaya membolehkan **lidah²** peti undi yang telah **dimeterikan** selepas ditutup pengundian disesuatu **tempat** mengundi itu **boleh dibuka** semula dihadapan **wakil²** calon untuk digunakan lagi peti **itu** ditempat mengundi yang berikutnya. Dengan peratoran ini maka satu peti undi itu boleh digunakan di beberapa **tempat** mengundi yang dilawati oleh pasokan pengundian itu. Untuk memelihara **peti²** undi itu dari **diganggu** oleh keadaan cuaca dan lain² bencana semasa dibawa **oleh pasokan** pengundian pihak Surohanjaya telah memutuskan supaya **digunakan** beg² **tarpal** untuk menyarong **peti²** undi dan juga **dokumen²** serta **alat²** pengundian yang berkaitan. Penggunaan beg² ini akan **menyenangkan** lagi potar yang mengusongnya. Sebagai tambahan keselamatan **arahan²** pentadbiran telah dikeluarkan kepada **pasokan²** pengundian supaya memeterikan beg² itu sebelum mereka bergerak ketempat mengundi yang berikutnya.

54. Oleh sebab kesukaran dari segi perhubungan dan kegiatan **peng-**ganas komunis **disetengah²** bahagian di Negeri Sarawak, pihak **Surohan-**jaya telah memutuskan supaya peruntukan **undang²** dibuat untuk membolehkan Surohanjaya menentukan **tarikh²** pengundian disebarkan **tempat** mengundi dimana pengundian telah **gagal** pada tarikh dan masa yang **dijadualkan**, dan dimana pengundian tidak boleh dihabiskan disebarkan **tempat** mengundi; peruntukan **undang²** hendaklah juga **diada-**kan supaya Surohanjaya boleh memutuskan bagaimana **chara** pengundian itu patut disemulakan dalam kemungkinan seumpama itu. Dibawah **undang²** yang ada, jika sekiranya berlaku perkara seumpama itu, satu surat perintah baru patutlah dikeluarkan dan semua proses² pilihanraya hendaklah dimulakan semula.

55. **Keputusan**² Surohanjaya Pilehanraya ini telah dimajukan kepada Majlis Gerakan Negara dan pada 12hb Mei, 1970, Majlis itu telah **meluluskan** **Ordinan** Dharurat (**Kuasa**² Perlu) No. 32 Tahun 1970 yang **memansuhkan** Sekshen dalam **Ordinan** Dharurat (**Kuasa**² Perlu) No. 1 Tahun 1969, yang menggantungkan pilehanraya. **Ordinan** ini telah meliputi **keputusan**² yang telah dibuat oleh Surohanjaya dan memberi kuasa kepada Surohanjaya. untuk menjalankan **semula pilehanraya**² di Sabah dan Sarawak.

56. Dengan **undang**² yang sama juga, Kerajaan telah membuat beberapa penchegahan mengenai **chara**² berkempen. Memancing serta merayu **undi**², mengadakan **rapat**² umum serta mempamirkan **apa**² rayuan dalam apa **chara** rupa pun telah dilarang. Bagaimanapun, **chalun**² telah **dibenarkan** mempamirkan poster² yang menunjukkan **simbol**² atau **gambar**² ataupun **simbol**² parti mereka dengan hanya **perkataan**² "undi-lah". Di dalam **bahagian**² pilehanraya dimana **penamaan**² chalun baru telah **diterima**, **tiap**² chalun dibahagian-pilehanraya **tersebut** itu, dibenarkan juga sebagai tambahan mengeluarkan satu manifesto yang mengandongi gambar dan simbol yang diberikan kepadanya atau simbol partinya, serta membentangkan **tujuan**² dan dasar untuk dirinya sendiri ataupun untuk **parti** siasah. Pengeluaran manifesto itu hanya dihadkan sekali sahaja dan tidak boleh mengandongi **perkara**² yang boleh menimbulkan pergadohan atau mengganggu ketenteraman awam ataupun yang boleh menimbulkan perasaan **hasad** dengki dan permusohan dikalangan rakyat yang berbilang bangsa dan gulungan. Pengedaran manifesto itu dihadkan dalam kawasan bahagian pilihanraya yang berkenaan sahaja. Bagaimanapun, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri boleh **melarang** pengedaran sebarang manifesto demi kepentingan keselamatan awam.

57. Memandang kepada banyaknya **perubahan**² yang telah dibuat mengenai penjalanan pilehanraya yang **hendak** disemulakan itu, pehak Surohanjaya merasa perlu memberi **penerangan** mengenai **hal undang**² kepada **chalun**² dan **parti** siasah di Sabah dan Sarawak. Bagi tujuan ini, Pengerusi dan **Ahli**² Surohanjaya Pilehanraya telah menemui **chalun**² dan **wakil**² **parti** siasah di Kuching pada 24hb Mei, 1970 dan di Kota Kinabalu pada 26hb Mei, 1970. Didalam **meshuarat**² itu, Pengerusi telah **memaklumkan** juga **tarikh**² mengadakan semula pengundian **dikedua**² buah negeri tersebut. Pembuangan undi ditetapkan di Sabah dari 21hb hingga 27hb Jun dan di Sarawak dari 6hb Jun hingga 4hb Julai, 1970.

58. Apabila pilehanraya telah dijalankan semula, penamaan chalun baru perlu diadakan didua Bahagian-pilehanraya Parlimen. **Ini** ialah **dibahagian-gilehanraya** Parlimen Tuaran di Sabah dan Kanowit di Sarawak,

dimana seorang calon **ditiap²** satu **bahagian-pilihanraya** tersebut telah meninggal dunia. Di-Tuaran satu penamaan calon baru telah diterima tetapi kertas penamaan calon itu telah ditolak sebagai tidak sah. Ini menjadikan calon tunggal yang tinggal itu dipilih tanpa bertanding. Mengenai **Bahagian-pilihanraya** Parlimen di Kanowit satu penamaan calon baru telah diterima dan pilihanraya itu telah dipertandingkan.

Keputusan² mengenai pilihanraya² yang disamulakan

59. Sabah. Sebelum pilihanraya di Sabah digantung, 10 calon dari United Sabah National Organisation (USNO) telah dipilih tanpa bertanding. Bila pilihanraya telah disemulakan satu lagi calon dari United Sabah National Organisation (USNO) telah dipilih tanpa bertanding di Bahagian-pilihanraya Tuaran. Tiga orang calon dari Sabah Chinese Association dan dua orang calon dari United Sabah National Organisation telah memenangi baki kerusi² yang lain, yang demikian memberikan semua 16 kerusi Parlimen kepada Parti Perikatan Sabah. Sejumlah 24 orang calon telah bertanding dipilihanraya tersebut dan 2 orang diantaranya telah kehilangan wang deposit mereka.

60. Sarawak. Di Sarawak 94 orang calon telah bertanding untuk merebut 24 kerusi dalam Parlimen dan 221 orang calon bertanding untuk merebut 48 kerusi dalam Council Negeri. Keputusan² pilihanraya tersebut adalah seperti berikut:

Parti	Kerusi ² yang dimenangi	
	Parlimen	Negeri
1. Parti Perikatan Sarawak (PER) ...	7	15
2. Sarawak United Peoples' Party (SUPP)...	5	12
3. Parti Pesaka Sarawak (PESAKA) ...	2	8
4. Sarawak National Party (SNAP) ...	9	12
5. Bebas	1	1
	<hr/>	<hr/>
	24	48
	<hr/>	<hr/>

Sejumlah 24 orang calon Parlimen dan 82 orang calon Council Negeri telah kehilangan wang deposit mereka.

XIV. PENYAMBONGAN PILEHANRAYA DI MELAKA SELATAN

61. Dalam Negeri² Tanah Melayu hanya pilihanraya dibahagian-pilihanraya Parlimen, Melaka Selatan sahaja yang belum diselesaikan. Pengundian bagi bahagian pilihanraya ini telah tidak dapat diadakan

pada **10hb** Mei, 1969, oleh sebab pengundian telah dibatalkan pada 26hb April, kerana kematian seorang **daripada chalun²** pada 23hb April, 1969. **Tarikh² baru** untuk hari penamaan chalun dan hari **pembuangan** undi telah ditetapkan pada 7hb dan 31hb Mei, **masing²**. Penamaan chalun telah diselesaikan pada 7hb Mei sebagaimana yang telah dijadualkan dan **penerimaan empat** orang chalun telah disahkan. Bagaimanapun, oleh sebab pilihanraya telah digantungkan pada **15hb** Mei, 1969 pengundian telah tidak dapat dijalankan.

62. Penggantungan pilihanraya bagi bahagian pilihanraya ini telah dibatalkan oleh **Ordinan** No. 66/71 yang telah diluluskan oleh Majlis Gerakan Negara pada 18hb Januari, 1971. **Undang²** ini mengkehendakkan supaya pilihanraya itu diselesaikan dalam **tempoh** dua minggu mulai dari tarikh itu dan yang demikian itu Surohanjaya Pilihanraya telah menetapkan hari Sabtu, 30hb Januari, 1971, sebagai hari membuang undi. Dengan berkuatkuasanya **undang² ini** penggantungan **semua** pilihanraya yang belum diselesaikan telah dibatalkan sepenuhnya dan **Peratoran²** Dharurat yang **melarang kegiatan²** berhubung dengan pilihanraya telah terlucut kuatkuasa dengan sendirinya.

63. Chalun Perikatan telah dipilih **dalam** pengundian ini. Dua orang chalun yang bertanding dipilihanraya **ini** telah kehilangan **wang²** deposit mereka.

XV. PERBELANJAAN

64. Peruntukan sebanyak \$1,588,000 telah diluluskan untuk Pilihanraya Umum tahun 1969. Wang tambahan sebanyak \$10,800 untuk Melaka Selatan dan \$509,999 untuk Sabah dan Sarawak telah **diluluskan** untuk **pilihanraya²** yang disamulakan.

65. Di **Negeri² Tanah** Melayu sahaja, jumlah yang telah dibelanjakan untuk **pilihanraya²** umum 1969 ialah lebeh kurang \$1,400,000 dibandingkan dengan \$1,900,000 yang dibelanjakan untuk pilihanraya umum 1964. Ini menunjukkan kekurangan perbelanjaan sebanyak \$500,000 sunggohpun jumlah pemilih telah bertambah lebeh kurang 539,000 pada tahun 1969. Pengurangan perbelanjaan ini ialah seimbang dengan dasar Kerajaan untuk menjimatkan perbelanjaan awam dan pengurangan ini tidak mengganggu **apa²** jua pun terhadap kecekapan menjalankan **pilihanraya²** umum itu.

66. Di Sarawak jumlah perbelanjaan untuk menjalankan **pilihanraya²** serentak ialah lebeh kurang \$577,000 sedangkan di Sabah jumlah yang telah dibelanjakan bagi pilihanraya Parlimen ialah lebeh kurang \$49,000.

XVI. RAYUAN² PILEHANRAYA

67. Hanya sepuluh rayuan pilehanraya **sahaja** yang telah **dimasokan** ka Mahkamah kesemuanya, dua di Kelantan, satu di Perak, **tiga** di **Pahang**, satu di Selangor, satu di Melaka dan dua di Sarawak. **Enam** daripada rayuan itu telah dibuat **atas** alasan penolakan kertas penamaan chalun oleh Pegawai Pengurus. Kesemua rayuan itu telah ditolak. Satu rayuan mengenai kesalahan pengiraan undi telah **juga** ditolak. Dua rayuan telah dibuat **atas** alasan menyamar diri. Walaupun **rayuan² ini** telah ditolak, **enam** pengundi telah didapati salah kerana menyamar diri oleh sebab mereka telah mengundi didua **tempat** dalam pilehanraya yang sama. Satu rayuan telah dibuat **atas** alasan rasuah dan buatan menyalahi **undang²** dan yang ditudoh itu saorang yang dipilih, telah didapati salah kerana melakukan buatan rasuah. Bagaimanapun, hakim telah **mengampunkan-**nya dan pilehanraya itu telah diishtiharkan sebagai pilehanraya yang **sah**. Dalam masa perbicharaan itu hakim telah mendapati bahawa saorang daripada **pekerja² parti** telah didapati salah **atas** buatan rasuah dan satu **laporan** telah dibuat kapada **pehak** Surohanraya Pilehanraya.

XVII. ULASAN² 'AM

68. Pengundian bagi Malaysia keseluruhannya ialah sebanyak 73.6 **peratus** bagi pilehanraya Parlimen dan 73.8 **peratus** bagi pilehanraya Negeri. Di **Negeri² Tanah Melayu** bagi Parlimen ialah sebanyak 72.9 **peratus**. Dipilehanraya tahun 1964, peratusannya ialah 78.9 dan **di-pilehan-**raya tahun 1959 ialah 73.3 **peratus**. Pengundian yang diperolehi di **Negeri² Tanah Melayu** bagi pilehanraya **Dewan Undangan** Negeri ialah sebanyak 73.1 **peratus** berbanding dengan 78.9 **peratus** dalam tahun 1964 dan 74.0 **peratus** dalam tahun 1959.

69. Yang demikian itu, peratusan pengundian di **Negeri² Tanah Melayu** adalah baik jika dibandingkan dengan peratusan pengundian pada tahun 1959, tetapi terkurang kadar 5 **peratus** daripada peratusan pengundian pada pilehanraya tahun 1964. Peratusan pengundian yang menjadi **rendah** itu mungkin kerana timbulnya kempen yang mendesak supaya **memulau-**kan pilehanraya dan juga kerana suasana tegang yang **semakin me-**munchak sebelum hari membuang undi yang mana telah mengakibatkan berlakunya peristiwa 13 Mei. Keadaan ini nampak nyata terutama sekali di Negeri Selangor dimana peratusan pengundian adalah 65.0 **sahaja**, iaitu yang paling **rendah** sekali diantara **Negeri²**. Peratusan pengundian yang **tertinggi** pada tahun 1964, mungkin disebabkan pada masa itu negara sedang menghadapi satu masalah nasional yang **sangat berat** yang

merupakan konfrantasi dari Indonesia. Ini merupakan satu anchaman kapada keselamatan negara. Dengan itu ternyatalah pemilih² telah keluar dengan ramai untuk menchurahkan perasaan hati mereka mengenai perkara tersebut.

